

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **PENGUMUMAN PROGRAM SUBSIDI PETROL (PSP)**

**PUTRAJAYA, 7 OKTOBER 2019** - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail hari ini telah melancarkan Program Subsidi Petrol, di Dewan Serbaguna KPDNHEP.

Program ini adalah inisiatif Kerajaan untuk meringankan beban isirumah yang memerlukan melalui pengagihan semula subsidi petrol selari dengan Janji ke-7 Manifesto Pakatan Harapan. Program ini juga berhasrat untuk membantu rakyat membiayai sebahagian kos penggunaan petrol. Ianya telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018.

Prinsip bantuan yang hendak disampaikan oleh Kerajaan ialah melalui pengagihan semula subsidi yang saksama (*equitable redistribution*) dan penggubalan dasar berpandukan data (*data driven policy*) yang diperolehi daripada data asas Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Subsidi petrol sedia ada yang dinikmati secara pukal oleh semua orang tanpa mengira kerakyatan dan pendapatan akan diubah kepada subsidi terus kepada golongan sasaran yang layak, iaitu warganegara Malaysia yang memenuhi kriteria yang ditetapkan menerusi Program Subsidi Petrol ini.

Para penerima Bantuan Sara Hidup perlu memenuhi kriteria pemilikan kenderaan yang telah ditetapkan iaitu kereta 1600cc dan ke bawah dan kereta melebihi 1600cc yang berumur 10 tahun dan ke atas.

Manakala kategori motosikal yang layak pula ialah motosikal 150cc dan ke bawah dan motosikal melebihi 150cc yang berumur 7 tahun dan ke atas.

Program Subsidi Petrol ini akan menyalurkan bantuan tunai yang akan dikreditkan terus ke akaun penerima setiap empat (4) bulan sekali. Kadar subsidi ialah RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan bagi motosikal. Dijangka seramai 2.86 juta penerima akan mendapat manfaat daripada Program Subsidi Petrol.

Program Subsidi Petrol ini **akan dilaksanakan pada Januari 2020**. Orang ramai boleh mendapat maklumat lanjut mengenai Program Subsidi Petrol di laman web berikut: [psp.kpdnhep.gov.my](http://psp.kpdnhep.gov.my). Semakan kelayakan boleh dibuat bermula 15 Oktober 2019.

**###**

---